

04 OCT 1996

PAS ULANGI SYARAT YANG SAMA UNTUK BERSATU DENGAN UMNO

KOTA BAHARU, 4 Okt (Bernama) -- PAS hari ini mengulangi syarat yang sama, iaitu UMNO mesti menerima Islam sebagai dasar perjuangan jika mahukan kedua-dua parti itu bersatu kembali.

Mursidul Amnya Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata: "Kita memang nak bersatu tetapi dasarnya biar Islam kerana UMNO tidak akan rugi kalau menerima Islam."

Beliau yang juga Menteri Besar berkata demikian kepada pemberita selepas satu majlis minum teh untuk mengisi tabung kebajikan PAS Kelantan di kediaman rasminya, JKR 10, di sini.

Nik Abdul Aziz berkata sekiranya parti komponen dalam BN seperti MCA marah kepada PAS kerana dasar yang diperjuangkan itu, mereka sepatutnya memberikan hujah mengenai perkara itu dan bukan menyalahkan segala tindakan dan dasar perjuangan PAS yang berlandaskan Al-Quran dan Al Hadis.

Bagaimanapun, PAS tidak akan menyertai Barisan Nasional tetapi jika UMNO inginkan cara lain (untuk bersatu) parti itu bersedia berunding, katanya ketika diminta mengulas pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Penyatuan Melayu petang semalam agar PAS turut dibubarkan dan pemimpin dan anggotanya menyertai UMNO.

"Kita tak akan masuk BN tapi kalau nak cara lain, Insyaallah, kita bersedia berunding..kita tidak akan tolak.", tambahnya. -- BERNAMA

NH WAT